

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.6 (21)
Tarikh : 30 Jamadilakhir 1441H
29 Februari 2020

**YB DATO' DR./YBHG DATO'/TUAN/PUAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**YANG DIPERTUA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**PENGERUSI/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
BADAN-BADAN BERKANUN**

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Dato' Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PEROLEHAN KENDERAAN SECARA RUNDINGAN TERUS DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan Pekeliling Perbendaharaan PK 7.7- Perolehan Kenderaan (pindaan pada 15 Julai 2019) adalah berkaitan.

2. **Arahan Perbendaharaan (AP) 168** telah menetapkan bahawa sebarang pengecualian daripada mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan semua peraturan Perbendaharaan hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu mengikut mana yang berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu, bagi semua perolehan kenderaan secara rundingan terus berdasarkan PK 7.7 hendaklah **diluluskan** dan **dimuktamadkan** oleh Pegawai Kewangan Negeri selaku Pihak Berkuasa Melulus.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Dr./YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD KHIRID BIN MAJID)